



APPLIED HISTORY JOURNAL OF MERONG MAHAWANGSA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/ahjmm>

How to cite this article:

Aini Raudhah Roslam (2024). Keselamatan tenaga dan dasar luar China Terhadap Laut China Selatan: Perspektif sejarah Malaysia.. *Applied History Journal of Merong Mahawangsa*, 2, 144-154.
<https://doi.org/10.32890/ahjmm2024.2.10>

KESELAMATAN TENAGA DAN DASAR LUAR CHINA TERHADAP LAUT CHINA SELATAN: PERSPEKTIF SEJARAH MALAYSIA

*(Energy Security and China's Foreign Policy Towards the South China Sea:
Malaysia's Historical Perspective)*

¹Aini Raudhah Roslam

Research And Development Department,
The Royal Malaysian Customs Department Academy, Malaysia

¹*Corresponding author: raudhahroslam@custom.gov.my*

Received: 19/8/2024

Revised: 7/9/2024

Accepted: 8/9/2024

Published: 12/9/2024

ABSTRAK

Kajian ini meneliti peranan keselamatan tenaga dalam membentuk dasar luar China terhadap Laut China Selatan dengan fokus khusus pada perspektif sejarah Malaysia. Isu tuntutan bertindih di Kepulauan Spratly dan Paracel serta keselamatan di Selat Melaka merupakan elemen penting dalam hubungan Malaysia-China. Analisis dilakukan berdasarkan dua dimensi utama iaitu faktor sistemik dan domestik. Kajian ini juga mengaitkan bagaimana sejarah Malaysia terutamanya peranan Selat Melaka sebagai laluan perdagangan global sejak zaman Kesultanan Melaka mempengaruhi strategi keselamatan maritim di rantau ini. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa keselamatan tenaga merupakan faktor kritikal yang membentuk dasar

luar China walaupun tekanan sistemik juga memainkan peranan penting. Malaysia, dalam konteks geopolitik yang kompleks ini memegang peranan penting dalam interaksi strategik dengan China.

Kata Kunci: Keselamatan Tenaga, Dasar Luar China, Laut China Selatan, Perspektif Sejarah Malaysia.

ABSTRACT

This study examines the role of energy security in shaping China's foreign policy toward the South China Sea, with a particular focus on the historical perspective of Malaysia. The overlapping claims in the Spratly and Paracel Islands and security issues in the Straits of Malacca are key elements in Malaysia-China relations. The analysis of this study is based on two main dimensions: systemic and domestic factors. This study also explores how Malaysia's history, particularly the role of the Straits of Malacca as a global trade route since the Malacca Sultanate, has influenced maritime security strategies in the region. The findings of this study indicate that energy security is a critical factor in shaping China's foreign policy, although systemic pressures also play a significant role. Malaysia holds a pivotal position in the complex geopolitical context of this strategic interaction with China.

Keywords: Energy Security, China's Foreign Policy, South China Sea, Malaysia's History Perspective.

PENGENALAN

Asia Tenggara di mana terletak Laut China Selatan dan Selat Melaka adalah kawasan yang sangat penting sebagai laluan utama bagi sumber tenaga. Kedua-dua laluan ini memainkan peranan kritikal dalam memenuhi keperluan tenaga global terutamanya bagi negara-negara yang pesat membangun seperti China. Pertumbuhan ekonomi China yang pesat telah meningkatkan kebergantungan negara itu kepada bekalan sumber tenaga import yang stabil terutamanya minyak petroleum. Hal ini menjadikan Laut China Selatan dan Selat Melaka kawasan strategik untuk China dan negara serantau lain termasuk Malaysia. Akibatnya kuasa-kuasa besar serantau seperti China, Amerika Syarikat dan Jepun menunjukkan kecenderungan untuk memperluaskan pengaruh mereka di kawasan ini (Chen, 2023; EIA, 2022).

Sejak tahun 2008, tingkah laku China yang semakin tegas di Laut China Selatan telah menimbulkan kebimbangan dan memburukkan hubungan dengan negara-negara Asia Tenggara termasuk Malaysia. Tindakan China seperti mengharamkan kegiatan perikanan dan menyekat eksplorasi minyak oleh syarikat-syarikat minyak Barat di kawasan tersebut telah meningkatkan ketegangan terutamanya dengan Filipina dan Vietnam. Bantahan China terhadap tuntutan pelantar benua oleh negara-negara Asia Tenggara juga telah menambah ancaman keselamatan di kawasan ini (Li & Dong, 2022; Thayer, 2019).

Bagi China, isu keselamatan laluan tenaga bukan sekadar isu ekonomi tetapi juga melibatkan kuasa politik dan kelangsungan hidup rejim Parti Komunis China (PKC) atau *Chinese Communist Party* (CCP). Kebergantungan China kepada kadar pertumbuhan ekonomi yang

tinggi adalah penting bagi mengekalkan legitimasi rejim dan kestabilan domestik. Oleh itu, pemimpin China telah mengambil langkah-langkah ketenteraan dan diplomatik untuk melindungi titik daratan dan lautan atau lebih dikenali di dalam dunia maritim sebagai *chokepoint* strategik seperti Selat Melaka (Blazevic, 2009; Zhao & Zhang, 2023).

Malaysia telah mengadaptasi pendekatan dasar luar yang pragmatik dalam menangani isu keselamatan tenaga dan kedaulatan di Laut China Selatan. Sejak krisis Terumbu Mischief pada tahun 1995, Malaysia berusaha untuk mengimbangi hubungan dengan China melalui diplomasi berhati-hati sambil memastikan kedaulatan dan hak-haknya di Laut China Selatan tidak terjejas. Malaysia terus memainkan peranan aktif dalam *Association of Southeast Asian Nations* (ASEAN) untuk mempromosikan dialog dan kerjasama serantau dalam menangani isu keselamatan maritim dan tuntutan wilayah di Laut China Selatan (Thayer, 2011).

SOROTAN KAJIAN

Kajian mengenai keselamatan tenaga di Laut China Selatan menyoroti bahawa tuntutan maritim yang tidak diselesaikan di antara negara-negara ASEAN dan China menjadi penghalang utama kepada eksploitasi sumber hidrokarbon di rantau ini. Walau bagaimanapun, terdapat usaha kerjasama tenaga yang telah dinegosiasikan untuk mewujudkan kestabilan di kawasan tersebut di mana Malaysia memainkan peranan penting dalam memastikan tuntutan ini tidak menghalang kerjasama yang berpotensi menguntungkan semua pihak (Buszynski & Sazlan, 2007). China memperlihatkan pendekatan yang semakin tegas dalam memperkuat tuntutan kedaulatan dan wilayahnya di Laut China Selatan khususnya di Kepulauan Spratly. Malaysia, sebagai salah satu pihak yang terlibat dalam tuntutan bertindih telah mengadaptasi pendekatan yang berhati-hati tetapi pragmatik bagi memastikan kedaulatan terpelihara sambil mengekalkan hubungan baik dengan China. Pendekatan ini membolehkan Malaysia melindungi kepentingan strategik dan ekonominya tanpa terjebak dalam konflik langsung (Ahmad & Sani, 2017).

Dalam konteks dasar keselamatan tenaga China di Laut China Selatan, kajian menunjukkan bahawa terdapat kepentingan faktor-faktor sistemik dan domestik dalam membentuk dasar luar negara tersebut. Walaupun banyak kajian telah mengupas isu ini, terdapat kekurangan dalam penyelidikan yang mengintegrasikan kedua-dua faktor ini ke dalam satu kerangka analisis yang komprehensif terutamanya yang mengaitkannya dengan sejarah hubungan China-Malaysia. Daniel Yergin (2006) dalam kajiannya mengenai keselamatan tenaga menggariskan empat prinsip utama iaitu kepelbagaian sumber tenaga, daya tahan melalui margin keselamatan, pengiktirafan terhadap integrasi pasaran tenaga global dan kepentingan maklumat yang tepat pada masanya untuk mencegah ketidakstabilan. Li Mingjiang (2008) pula menekankan tentang peranan faktor sistemik dalam pembentukan dasar luar China khususnya peralihan daripada pendekatan bilateral kepada multilateral dalam menangani isu-isu wilayah. Penandatanganan Deklarasi mengenai Tatalaku di Laut China Selatan atau lebih dikenali sebagai *Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea* (DoC) pada tahun 2002 oleh China menunjukkan kesediaan untuk menerima norma-norma antarabangsa walaupun dokumen ini tidak mengikat secara undang-undang.

Phar dan Li (2005) membincangkan kebergantungan China terhadap sumber tenaga dari Timur Tengah yang menimbulkan ketidakpastian dalam masa depan dasar luar China. Perspektif realisme melihat China sebagai negara revisionis yang berpotensi menimbulkan ketidakstabilan sementara perspektif liberalisme menekankan kecenderungan China untuk

bekerjasama dalam memenuhi keperluan tenaga. Kajian terkini oleh Wang dan Zhao (2022) menyoroti perubahan dalam konteks keselamatan tenaga China dengan peningkatan pelaburan dalam teknologi tenaga boleh diperbaharui dan diversifikasi sumber tenaga. Kerjasama antarabangsa menjadi semakin penting dengan China memainkan peranan aktif dalam perjanjian iklim global dan usaha pengurangan emisi karbon (Storey, 2017).

LATAR BELAKANG DAN SIGNIFIKAN KAJIAN

Kajian ini berfokus kepada perubahan dasar dan tingkah laku dasar luar China di Laut China Selatan khususnya dalam konteks keperluan keselamatan tenaga yang semakin meningkat. Penelitian ini juga mempertimbangkan sejarah Malaysia di mana Selat Melaka telah lama menjadi laluan maritim strategik yang penting sejak zaman Kesultanan Melaka. Sejak era penjajahan hingga ke era moden, Malaysia telah memainkan peranan kritikal dalam menjaga keselamatan maritim di Selat Melaka yang terus menjadi laluan penting bagi ekonomi negara dan serantau. Dalam konteks ini, kajian ini memberikan pandangan mendalam mengenai peranan Malaysia sebagai pengimbang antara kuasa-kuasa besar di rantau ini khususnya Amerika Syarikat dan China sambil mengekalkan kestabilan dan keselamatan kawasan ini.

Sepanjang dekad 1990-an, China mengambil pendekatan sederhana dan cenderung untuk bekerjasama dengan negara-negara Asia Tenggara dalam menyelesaikan isu-isu pertikaian di Laut China Selatan. Walau bagaimanapun, kepentingan strategik Selat Melaka bagi kedua-dua negara iaitu Malaysia dan China tidak boleh diabaikan terutamanya apabila sejarah Malaysia telah membentuk cara negara ini menguruskan laluan maritim dan konflik serantau. Kepentingan Selat Melaka dalam keselamatan tenaga menjadi salah satu aspek penting yang dikaji khususnya bagaimana Malaysia sebagai negara yang terletak di laluan tersebut memainkan peranan dalam melindungi kepentingan strategiknya melalui kerjasama serantau dengan Indonesia dan Singapura (Alatas, 2016).

China berhadapan dengan cabaran besar dalam menjamin keselamatan laluan pembekalan sumber tenaganya terutamanya dengan wujudnya "Dilema Melaka" (*Malacca Dilemma*). Dilema ini merujuk kepada kebimbangan bahawa kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat dan Jepun mungkin mengganggu laluan penting ini sekaligus mengancam bekalan tenaga yang kritikal untuk ekonomi China. Kesedaran terhadap ancaman ini telah mendorong pemimpin-pemimpin China sejak awal 2000-an untuk memperbaharui dasar tenaga dan dasar luar mereka khususnya dalam hubungan dengan negara-negara Asia Tenggara termasuk Malaysia (Wang & Xue, 2024). Sejak pertengahan 1990-an, China mula menjadikan keselamatan tenaga sebagai keutamaan dalam dasar luar negara. Langkah ini mendorong China untuk lebih terlibat dalam perundingan multilateral serta menerima ikatan undang-undang dalam menyelesaikan isu-isu tuntutan bertindih di Laut China Selatan. Sebagai contoh, penandatanganan Deklarasi Tatalaku (*Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea, DoC*) pada tahun 2002 dan Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama ASEAN (*ASEAN Treaty of Amity and Cooperation, TAC*) menunjukkan kesediaan China untuk menggunakan diplomasi dalam menangani isu keselamatan tenaga (ASEAN, 2002).

Walaupun China pada awalnya menunjukkan kesediaan untuk bekerjasama, ketegangan kembali meningkat selepas berakhirnya Perjanjian *Joint Marine Seismic Undertaking* (JMSU) dengan Filipina dan Vietnam pada tahun 2008. Konflik mengenai tuntutan bertindih di Kepulauan Spratly dan Paracel terus mencetuskan kebimbangan dalam kalangan negara-

negara serantau dan kuasa besar dunia. Malaysia, dalam konteks ini berusaha mengekalkan keseimbangan di antara menjaga hubungan baik dengan China dan melindungi kepentingan nasionalnya. Tindakan-tindakan unilateral China seperti peningkatan kehadiran ketenteraan laut di kawasan tersebut menimbulkan kebimbangan dalam kalangan negara-negara serantau (Zhao & Zhang, 2023; Li, 2023). Signifikansi kajian ini terletak pada keperluan untuk memahami dengan lebih mendalam bagaimana keperluan keselamatan tenaga China mempengaruhi dasar luar negara tersebut serta bagaimana tingkah laku strategik China di Laut China Selatan dibentuk oleh faktor-faktor sistemik dan domestik. Kajian ini juga meneliti peranan Malaysia dalam mengimbangi pengaruh China di rantau ini dan bagaimana Malaysia menavigasi hubungan dengan China dalam konteks keselamatan tenaga serantau.

Kajian ini menghubungkan keselamatan tenaga China dengan dasar luar dan tingkah laku negara tersebut di Laut China Selatan melalui kerangka teori realisme neoklasikal. Dengan menekankan peranan Malaysia dalam sejarah hubungan ini, kajian ini memberikan penjelasan menyeluruh mengenai dasar keselamatan tenaga China dalam konteks yang lebih luas. Pendekatan ini juga memperkaya pemahaman mengenai bagaimana faktor-faktor sistemik dan domestik bergabung untuk mempengaruhi tingkah laku dasar luar China di mana Malaysia menjadi elemen penting dalam analisis ini. Secara keseluruhan, kajian ini mencapai dua objektif utama iaitu pertama, menghuraikan dan menganalisis dasar keselamatan tenaga China dalam konteks tekanan sistemik dan respons domestik. Selain itu, objektif kedua pula adalah, menyumbang kepada perdebatan akademik mengenai realisme neoklasikal dengan menyediakan kajian kes yang menguji dan memperhalusi pendekatan ini. Ini memberi sumbangan penting dalam memahami keselamatan tenaga di Laut China Selatan dan peranan Malaysia dalam dinamika geopolitik serantau.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan realisme neoklasikal untuk menganalisis hubungan di antara keselamatan tenaga China, dasar luar negara tersebut dan tingkah laku China di Laut China Selatan sambil mengaitkannya dengan sejarah Malaysia. Pendekatan ini membolehkan kajian ini memahami bagaimana faktor-faktor sistemik dan domestik berinteraksi dalam membentuk dasar luar China dengan perhatian khusus pada peranan strategik Malaysia dan sejarahnya terutama yang berkaitan dengan Selat Melaka. Kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif-objektif utama berikut. Pertama, meneliti penyesuaian dasar China di Laut China Selatan: Mengkaji bagaimana China menyesuaikan dan membentuk dasar luar terhadap Laut China Selatan selaras dengan tekanan-tekanan sistemik yang timbul daripada konteks geopolitik serantau terutamanya dalam kerangka ASEAN. Penelitian ini juga akan menganalisis peranan strategik Selat Melaka dalam sejarah Malaysia dan Asia Tenggara serta bagaimana sejarah ini mempengaruhi pendekatan China dalam menjaga hubungan dengan negara-negara ASEAN termasuk Malaysia.

Kedua, menganalisis pengaruh faktor domestik China terhadap dasar luar: Mengkaji bagaimana faktor-faktor domestik di China khususnya yang berkaitan dengan keselamatan tenaga mempengaruhi penyesuaian dan pembentukan dasar luar China di Laut China Selatan. Analisis ini akan melibatkan elemen-elemen seperti keperluan import tenaga yang tinggi dan kestabilan politik dalaman serta bagaimana faktor-faktor ini membentuk pendekatan China terhadap isu-isu di Laut China Selatan dengan mempertimbang kesannya terhadap Malaysia

dan negara-negara serantau lain. Ketiga, menggali peranan keselamatan tenaga dalam dasar luar China: Menyelidik bagaimana keselamatan tenaga menjadi faktor utama dalam dasar domestik China dan bagaimana ia mempengaruhi hala tuju dasar luar China terhadap Laut China Selatan.

Kajian ini akan memberi tumpuan kepada perubahan landskap politik dan ekonomi global sehingga tahun 2024 termasuk ketidakstabilan harga minyak, pergolakan geopolitik dan perkembangan teknologi tenaga alternatif. Penelitian ini juga akan menilai bagaimana perubahan global ini mempengaruhi pendekatan China terhadap keselamatan tenaga dan implikasinya terhadap dasar luar China dengan mengambil kira peranan strategik Malaysia dalam konteks ini. Proses analisis dalam kajian ini dilakukan dengan menilai angka ubah bebas atau lebih sinonim dengan terma Angkubah Bebas. Kajian ini meneliti kuasa relative di antara China, Amerika Syarikat dan Malaysia di Laut China Selatan. Kuasa relatif ini dianalisis berdasarkan faktor-faktor seperti pengaruh geopolitik, kekuatan ketenteraan dan hubungan ekonomi di antara ketiga-tiga negara tersebut.

Data yang digunakan meliputi laporan-laporan antarabangsa, analisis strategik dan kajian kes mengenai interaksi di antara China, Amerika Syarikat dan Malaysia di rantau ini. Analisis ini bertujuan untuk memahami bagaimana kuasa besar seperti Amerika Syarikat mempengaruhi dasar luar China dan bagaimana Malaysia menyesuaikan strateginya untuk melindungi kepentingan nasionalnya. Analisis angka ubah pengantara atau lebih difahami dengan terma Angkubah Pengantara, kepentingan keselamatan tenaga bagi China dianalisis sebagai angkubah pengantara. Kajian ini meneliti bagaimana keselamatan tenaga termasuk akses kepada laluan strategik seperti Selat Melaka dan sumber tenaga di Laut China Selatan mempengaruhi keputusan dasar luar China. Data yang digunakan termasuk statistik tenaga, laporan kerajaan serta analisis dari institusi penyelidikan yang berkaitan dengan dasar tenaga dan keselamatan China. Kajian ini juga mempertimbang bagaimana keselamatan tenaga mempengaruhi hubungan China-Malaysia dalam konteks sumber daya alam dan laluan perdagangan strategik di kawasan tersebut.

Analisis angka ubah bergantung atau Angkubah Bergantung pula, tingkah laku dasar luar China di Laut China Selatan dianalisis sebagai angkubah bergantung. Kajian ini mengkaji bagaimana China merespons isu-isu pertikaian wilayah, keselamatan maritim serta tindakan kuasa besar lain dan negara-negara ASEAN termasuk Malaysia di rantau tersebut. Data yang digunakan termasuk ucapan pemimpin, dokumen-dokumen dasar serta kajian kes yang berkaitan dengan tingkah laku China di Laut China Selatan. Analisis ini bertujuan untuk memahami bagaimana China mengadaptasi dasar luarnya untuk mempertahankan kepentingan strategik di rantau ini.

Untuk memastikan ketepatan dalam mengukur persepsi dan keputusan pemimpin China menurut kerangka teori realisme neoklasikal, kajian ini meneliti pernyataan rasmi pemimpin, matlamat dasar yang telah dibentuk serta pandangan daripada sumber idea atau *think tank* yang berpengaruh dalam proses penentuan dasar luar negara. Pendekatan ini membantu memahami bagaimana persepsi dan keputusan pemimpin China mencerminkan prinsip-prinsip realisme neoklasikal. Selain itu, pendekatan ini juga membantu memahami bagaimana mereka mengadaptasi dasar luar dalam menghadapi tekanan sistemik dan domestik terutamanya dalam konteks hubungan dengan Malaysia. Kajian ini juga mengambil kira data terkini sehingga tahun 2024 untuk memberikan gambaran yang lebih menyeluruh dan relevan tentang bagaimana perubahan dalam konteks geopolitik dan keselamatan tenaga global mempengaruhi

dasar luar China. Selain itu, kajian ini meneliti bagaimana Malaysia merespons perkembangan ini untuk melindungi kepentingan nasionalnya di Laut China Selatan.

HASIL KAJIAN

Kajian ini mendapati bahawa keselamatan tenaga adalah faktor dominan dalam pembentukan dan pelaksanaan dasar luar China di Laut China Selatan. Seiring dengan tekanan sistemik daripada persaingan kuasa besar seperti Amerika Syarikat dan keperluan China untuk memastikan kestabilan bekalan tenaga telah memacu peningkatan kehadiran dan tindakan tegasnya di rantau ini. Kawasan seperti Kepulauan Spratly dan Paracel yang kaya dengan potensi sumber hidrokarbon menjadi fokus utama China dalam usaha mengukuhkan keselamatan tenaganya (Zou, 2020; U.S. Energy Information Administration, 2020).

Kajian ini juga melihat bagaimana peranan sejarah Malaysia khususnya dalam konteks Selat Melaka memainkan peranan penting dalam mempengaruhi interaksi diplomatik dan keselamatan maritim di rantau ini. Sejak zaman Kesultanan Melaka, Selat Melaka telah menjadi laluan perdagangan strategik yang menghubungkan timur dan barat. Malaysia sebagai negara pengawal laluan ini memainkan peranan penting dalam menjaga kebebasan navigasi dan keselamatan laluan yang menjadi nadi kepada ekonomi global termasuk bagi China yang sangat bergantung kepada laluan ini untuk pengangkutan sumber tenaganya (Suryanarayana, 2008; Liow, 2009).

Malaysia telah menggunakan pendekatan yang pragmatik dan berhati-hati dalam menangani tuntutan China di Laut China Selatan. Strategi penuh berhati-hati atau lebih dikenali sebagai "*hedging*" yang diterapkan oleh Malaysia membolehkannya mengekalkan hubungan baik dengan China yang penting untuk kestabilan ekonomi sambil melindungi kedaulatannya di kawasan yang dipertikai. Malaysia juga terus mengukuhkan kehadiran tenteranya di kawasan strategik seperti Terumbu Layang-Layang sambil memanfaatkan kerjasama serantau melalui ASEAN untuk mengelakkan konflik terbuka dengan China (Kuik, 2008; Ahmad & Sani, 2017).

Kajian ini menunjukkan bahawa China melihat pengawalan laluan tenaga di Laut China Selatan termasuk Selat Melaka sebagai kritikal untuk keselamatan nasionalnya. Laluan ini bukan sahaja penting untuk mengangkut sumber tenaga ke China tetapi juga untuk mengekalkan kestabilan politik dalaman melalui jaminan bekalan tenaga yang berterusan. Oleh itu, dasar luar China di Laut China Selatan sering kali diwarnai oleh usaha untuk memperkukuh kawalan terhadap kawasan-kawasan strategik ini termasuk melalui tindakan ketenteraan dan diplomasi agresif (Blazevic, 2009; Zhao & Zhang, 2023).

Malaysia telah memainkan peranan penting dalam ASEAN untuk menangani ketegangan di Laut China Selatan. Melalui inisiatif seperti *Code of Conduct* (CoC) dan *Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea* (DoC), Malaysia bersama dengan negara-negara ASEAN lain berusaha untuk mengurangkan ketegangan dan menggalakkan penyelesaian konflik melalui dialog. Walaupun China sering menunjukkan sikap tegas, pendekatan ASEAN yang dipimpin oleh Malaysia telah berjaya mengekalkan kestabilan relatif di rantau ini (Buszynski & Sazlan, 2007; ASEAN, 2002).

Hasil kajian ini menggariskan betapa pentingnya keselamatan tenaga dalam membentuk dasar luar China terhadap Laut China Selatan. Sejarah dan kedudukan strategik Malaysia sebagai penjaga Selat Melaka memberi negara ini peranan penting dalam mengimbangi pengaruh China dan memastikan kestabilan serantau. Malaysia, melalui strategi diplomasi pragmatik dan kerjasama serantau terus memainkan peranan utama dalam menjaga keselamatan maritim dan keseimbangan kuasa di Laut China Selatan yang kritikal bagi kepentingan keselamatan tenaga China dan negara-negara serantau lainnya. Kajian ini menegaskan bahawa hubungan di antara keselamatan tenaga, sejarah dan geopolitik adalah inti dalam memahami dasar luar China di Laut China Selatan serta peranan Malaysia dalam konteks ini.

Kajian ini menegaskan kepentingan keselamatan tenaga sebagai elemen utama dalam dasar luar China terhadap Laut China Selatan dengan kaitan yang erat kepada sejarah dan kedudukan strategik Malaysia. Selat Melaka sebagai laluan maritim yang kritikal sejak zaman Kesultanan Melaka terus memainkan peranan penting dalam strategi keselamatan tenaga China. Malaysia melalui peranannya sebagai penjaga laluan ini telah memainkan peranan yang signifikan dalam menjaga kestabilan dan keselamatan di rantau ini yang selaras dengan keperluan dan tekanan yang dihadapi oleh China dalam memastikan bekalan tenaga yang stabil. Kajian ini juga menekankan bahawa untuk memahami sepenuhnya dasar luar China di rantau ini, penting untuk mempertimbangkan bukan sahaja faktor-faktor tenaga tetapi juga sejarah hubungan serantau. Malaysia dengan pendekatan pragmatik dan strategi berhati-hati atau "*hedging*," telah berjaya menyeimbangkan di antara menjaga hubungan baik dengan China dan melindungi kepentingan nasionalnya. Strategi ini menunjukkan bagaimana negara-negara kecil seperti Malaysia mampu beradaptasi dalam menghadapi tekanan geopolitik yang kompleks sambil memastikan bahawa hak-hak mereka terhadap sumber daya alam di Laut China Selatan dilindungi.

Melalui pendekatan realisme neoklasikal, kajian ini memperlihatkan bagaimana keselamatan tenaga menjadi pendorong utama di sebalik dasar luar dan tingkah laku China di Laut China Selatan. Pendekatan ini membantu kita memahami bagaimana faktor sistemik seperti persaingan kuasa besar dan keperluan domestik China bagi kestabilan tenaga digabungkan untuk membentuk keputusan dasar luar yang lebih tegas di rantau ini. Malaysia, sebagai salah satu negara yang membuat tuntutan di kawasan ini telah mengambil pendekatan yang berhati-hati dan diplomatik sambil memastikan bahawa kepentingan strategiknya dilindungi melalui kerjasama serantau dan antarabangsa (Goh, 2021).

Pada bulan September 2024, China telah mengeluarkan amaran keras kepada Malaysia agar menghentikan aktiviti carigali minyak dan gas di kawasan yang dipertikaikan oleh mereka di Laut China Selatan. Hal ini telah mencerminkan kepentingan strategik kawasan tersebut terhadap China. China mendakwa sebahagian besar perairan yang kaya dengan sumber asli seperti minyak dan gas ini sebagai wilayahnya. Walau bagaimanapun, Malaysia telah menegaskan bahawa projek carigali yang diteruskan di Laut China Selatan adalah di kawasan perairan Malaysia sendiri dan aktiviti ini bukanlah satu tindakan provokasi terhadap China. Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah menegaskan bahawa operasi ini dilakukan dengan hak Malaysia yang sah dan akan diteruskan biarpun terdapat bantahan dari China. Menurut beliau, China turut menuntut kawasan tersebut namun Malaysia tetap berpegang pada pendirian bahawa operasi tersebut berada dalam bidang kuasa negara (Azil, 2024). Dalam menghadapi cabaran ini, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah diminta bersiap sedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan. Hal ini mencerminkan dasar luar Malaysia yang serius. Keseriusan Malaysia dalam melindungi kedaulatan dan hak maritimnya

dapat dilihat (Berita RTM, 2024). Namun, Malaysia terus menekankan penggunaan diplomasi untuk menyelesaikan isu-isu sensitif seperti ini terutamanya dalam forum antarabangsa seperti ASEAN dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) (Azman, 2022). Di peringkat antarabangsa, Malaysia telah menyuarakan kebimbangannya di Dialog Shangri-La 2022 dengan memberikan fokus kepada isu keselamatan maritim di Laut China Selatan dan Selat Melaka. Kedua-dua laluan ini merupakan kawasan strategik yang penting bagi perdagangan dan keselamatan global. Malaysia menekankan bahawa kestabilan di kawasan maritim ini adalah kritikal bagi pemulihan ekonomi pasca pandemik COVID-19.

Laut China Selatan, khususnya, kekal sebagai kawasan penting dari segi ekonomi dan sumber tenaga maka sebarang ketegangan di kawasan ini berpotensi mengganggu kestabilan serantau. Dalam forum tersebut, Malaysia dijangka menegaskan kepentingan kerjasama serantau untuk memastikan keselamatan maritim dan kestabilan ekonomi (Azman, 2022). Isu Laut China Selatan terus menjadi cabaran utama dalam hubungan Malaysia dan China. Malaysia mengimbangi keperluan untuk mempertahankan kedaulatannya dengan kepentingan mengekalkan hubungan ekonomi yang kuat dengan China. Pendekatan diplomatik yang disokong oleh kesiapsiagaan tentera menunjukkan Malaysia bersedia menghadapi cabaran keselamatan di rantau ini sambil mengutamakan kestabilan serantau dan ekonomi global. Secara keseluruhan, kajian ini menyimpulkan bahawa hubungan di antara keselamatan tenaga, sejarah serantau dan strategi diplomasi pragmatik adalah faktor-faktor utama yang membentuk dinamika dasar luar di Laut China Selatan. Malaysia, melalui strategi yang bijaksana dan peranannya dalam ASEAN terus menjadi aktor penting dalam memastikan kestabilan dan keselamatan di rantau ini sambil berusaha mengekalkan keseimbangan dalam hubungan dengan China dan negara-negara kuasa besar lainnya.

KESIMPULAN

Kajian ini menegaskan bahawa kepentingan keselamatan tenaga sebagai elemen utama dalam dasar luar China terhadap Laut China Selatan dengan kaitan yang erat kepada sejarah dan kedudukan strategik Malaysia. Selat Melaka sebagai laluan maritim yang kritikal sejak zaman Kesultanan Melaka terus memainkan peranan penting dalam strategi keselamatan tenaga China. Malaysia melalui peranannya sebagai penjaga laluan ini telah memainkan peranan yang signifikan dalam menjaga kestabilan dan keselamatan di rantau ini yang selaras dengan keperluan dan tekanan yang dihadapi oleh China dalam memastikan bekalan tenaga yang stabil.

Kajian ini juga menekankan bahawa untuk memahami sepenuhnya dasar luar China di rantau ini penting untuk mempertimbangkan bukan sahaja faktor-faktor tenaga tetapi juga sejarah hubungan serantau. Malaysia dengan pendekatan pragmatik dan strategi berhati-hati iaitu "*hedging*," telah berjaya menyeimbangkan di antara menjaga hubungan baik dengan China dan melindungi kepentingan nasionalnya. Strategi ini menunjukkan bagaimana negara-negara kecil seperti Malaysia mampu beradaptasi dalam menghadapi tekanan geopolitik yang kompleks sambil memastikan bahawa hak-hak mereka terhadap sumber daya alam di Laut China Selatan dilindungi. Melalui pendekatan realisme neoklasikal, kajian ini memperlihatkan bagaimana keselamatan tenaga menjadi pendorong utama di sebalik dasar luar dan tingkah laku China di Laut China Selatan. Pendekatan ini membantu kita memahami bagaimana faktor sistemik seperti persaingan kuasa besar dan keperluan domestik China bagi kestabilan tenaga

digabungkan untuk membentuk keputusan dasar luar yang lebih tegas di rantau ini. Malaysia sebagai salah satu negara yang membuat tuntutan di kawasan ini telah mengambil pendekatan yang berhati-hati dan diplomatik, sambil memastikan bahawa kepentingannya dilindungi melalui kerjasama serantau dan antarabangsa (Goh, 2021). Secara keseluruhan, kajian ini menyimpulkan bahawa hubungan di antara keselamatan tenaga, sejarah serantau dan strategi diplomasi pragmatik adalah faktor-faktor utama yang membentuk dinamika dasar luar di Laut China Selatan. Malaysia, melalui strategi yang bijaksana dan peranannya dalam ASEAN terus menjadi aktor penting dalam memastikan kestabilan dan keselamatan di rantau ini sambil berusaha mengekalkan keseimbangan dalam hubungan dengan China dan negara-negara kuasa besar lainnya.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini tidak mendapat geran khusus dari mana-mana agensi pembiayaan di sektor awam atau komersial.

RUJUKAN

- Alatas, S. H. (2016). *The South China Sea and Energy Security: Malaysia's Reaction to Emerging Geopolitical Reconfigurations*.
- Ahmad, N., & Sani, R. (2017). *China's Assertive Posture in Reinforcing its Territorial and Sovereignty Claims in the South China Sea: An Insight into Malaysia's Stance*.
- ASEAN. (2002). *Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea (DoC)*. Retrieved from ASEAN website
- Azman, F. (2022). Dialog Shangri-La 2022: Isu Laut China Selatan, Selat Melaka dan ekonomi dijangka disuarakan Malaysia. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dialog-shangri-la-2022-isu-laut-china-selatan-selat-melaka-dan-ekonomi-dijangka-disuarakan-malaysia-365654>.
- Azil, F. (2024). Malaysia terus teroka minyak, gas di Laut China Selatan biarpun dibantah China - PM Anwar. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/malaysia-terus-teroka-minyak-gas-di-laut-china-selatan-biarpun-dibantah-china-pm-anwar-486567>
- Berita RTM. (2024). *Bantahan China: ATM Diminta Bersedia Hadapi Sebarang Kemungkinan* [Video]. <https://vt.tiktok.com/ZS2yADHx1/>
- Blazevic, J. (2009). *China's Energy Security and its Impact on South China Sea Policy*. *International Journal of China Studies*, 2(1), 45-60.
- Buszynski, L., & Sazlan, I. (2007). *Maritime Claims and Energy Cooperation in the South China Sea*. *Contemporary Southeast Asia*, 29(1), 143-171.
- Chen, Q. (2023). *China's Maritime Strategy and Energy Security*. *Journal of Asian Security and International Affairs*, 10(2), 189-209.
- Christoffersen, G. (2004). *China's Intentions for the South China Sea: Domination, Not Cooperation*. *The Asia-Pacific Journal*, 2(1), 1-12.
- EIA (U.S. Energy Information Administration). (2020). *South China Sea Oil and Natural Gas Resource Assessment*.

- Goh, E. (2021). *Hedging Strategies in Southeast Asian States: A New Understanding of Hedging Behavior*. *Asian Security*, 17(3), 297-314.
- Kuik, C. C. (2008). *The Essence of Hedging: Malaysia and Singapore's Response to a Rising China*. *Contemporary Southeast Asia*, 30(2), 159-185.
- Liow, J. C. (2009). *Malaysia's Post-Cold War China Policy: A Reassessment*. *Asian Survey*, 49(3), 475-504.
- Paul, J. (2010). *The Role of Energy Security in China's Foreign Policy: A Maritime Perspective*. *Journal of International Affairs*, 64(1), 173-188.
- Schofield, C., & Storey, I. (2005). *The South China Sea Dispute: Increasing Stakes and Rising Tensions*. Washington, D.C.: Center for Strategic and International Studies
- Storey, I., & Thayer, C. A. (2010). *The South China Sea Dispute: Navigating Diplomatic and Strategic Tensions*. *Asian Survey*, 50(6), 1105-1129.
- Storey, I. (2017). *The South China Sea Dispute: Southeast Asia's Strategic Dilemma*. In *Asia's New Geopolitics: Essays on Reshaping the Indo-Pacific* (pp. 45-60). Singapore: ISEAS-Yusof Ishak Institute.
- Suryanarayana, P. (2008). *Strategic Importance of the Malacca Strait*. South Asia Analysis Group, Paper No. 2872.
- Thayer, C. A. (2011). *The Rise of China and Southeast Asia: Challenges, Implications and Responses*. In *China's Rise and the Balance of Influence in Asia* (pp. 27-45). Boulder: Lynne Rienner Publishers.
- Thayer, C. A. (2013). *ASEAN, China, and the Code of Conduct in the South China Sea*. *SAIS Review of International Affairs*, 33(2), 75-84.
- Thayer, C. A. (2020). *China's Maritime Ambitions and the Law of the Sea: A Case of Unlawful Exaggeration?* *Journal of International Maritime Law*, 25(4), 235-247.
- U.S. Energy Information Administration (EIA). (2020). *South China Sea Oil and Natural Gas Resource Assessment*. Retrieved from <https://www.eia.gov>
- Wang, J., & Xue, L. (2024). *China's Energy Security Strategy and Its Implications for Maritime Policy*. *Journal of Energy Policy*, 75(2), 115-133.
- Zhao, S., & Zhang, W. (2023). *China's Energy Security and Maritime Strategy in the South China Sea*. *Naval War College Review*, 76(1), 45-67.
- Zou, K. (2020). *Law of the Sea Issues Between China and ASEAN: Prospects for Dispute Resolution*. In *Maritime Security in the Indo-Pacific: Perspectives from China, India, and the United States*, 89-110. New York: Palgrave Macmillan.
- Zhang, D. (2021). *China's Military Expansion in the South China Sea: Implications for Regional Security*. *Journal of Southeast Asian Studies*, 52(1), 33-58.